

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**HUBUNGKAIT ANTARA SIKAP  
DAN GAYA PEMBELAJARAN  
PENDIDIKAN ISLAM ABAD KE-21  
DENGAN PENCAPAIAN  
AKADEMIK MURID MENGIKUT  
JANTINA : SEBUAH KAJIAN  
TINJAUAN**

**ROSMAWATI BINTI SULONG**

Tesis dikemukakan bagi memenuhi  
keperluan untuk ijazah  
**Sarjana**  
**(Pengajian Islam Kontemporari)**

**Akademi Pengajian Islam Kontemporari**

**Disember 2023**

## **ABSTRAK**

Kajian tinjauan ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungkait antara sikap dan gaya pembelajaran Pendidikan Islam abad ke-21 (PAK-21) dengan pencapaian akademik murid mengikut jantina dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Kemuning. Kajian ini tertumpu kepada empat persoalan kajian iaitu sikap, gaya pembelajaran Pendidikan Islam PAK-21, pencapaian akademik, tahap hubungkait antara sikap dan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik dan tahap perbezaan di antara sikap, gaya pembelajaran dan pencapaian akademik murid abad ke-21 (PAK-21) antara murid lelaki dan murid perempuan. Nilai kebolehpercayaan kajian ini adalah lebih daripada  $\alpha = >.60$ . Reka bentuk kajian ini ialah berasaskan kajian kuantitatif melalui kajian tinjauan. Populasi kajian ini terdiri daripada semua murid Islam tingkatan 2 Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Kemuning, Shah Alam yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam ialah seramai 420 orang. Berdasarkan jadual penentuan saiz sampel yang disarankan oleh Krejchi dan Morgan (1970), didapati saiz sampel yang diperlukan bagi populasi tersebut ialah 201 orang. Persampelan dibuat secara rawak. Borang soal selidik merupakan instrumen yang akan digunakan dan daripada data yang diperolehi, analisis secara deskriptif dan inferensi akan dilaksanakan. Data di analisis dengan menggunakan perisian Statistical Packages for Science Social (SPSS 26.0) secara deskriptif untuk mendapatkan kekerapan, peratusan, nilai min dan sisihan piawai serta inferensi dengan menggunakan Ujian Korelasi Spearman's Rho dan Ujian Mann Whithney U. Dapatan kajian mendapati hubungan yang signifikan antara sikap dan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik murid abad ke-21 (PAK-21). Selain itu hasil kajian ini juga mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan diantara sikap, gaya pembelajaran dan pencapaian akademik murid abad ke-21 (PAK-21) antara murid lelaki dan murid perempuan di Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Kemuning. Kesimpulannya sikap, gaya pembelajaran dan pencapaian akademik antara murid lelaki dan murid perempuan di Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Kemuning adalah berbeza. Justeru pihak yang bertanggungjawab terhadap isu ini wajar mengambil kira perbezaan jantina murid sewaktu mengatasi permasalahan ini agar prestasi akademik semua murid dapat ditingkatkan.

Katakunci : Sikap, Gaya Pembelajaran, Pencapaian Akademik.

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulilah syukur yang tidak terhingga kepada Allah S.W.T di atas KurniaNya, RezekiNya, PertolonganNya dapat disiapkan tesis ini. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W.

Pertama ucapan ini ditujukan buat suami tersayang Mohamed Fadzli Bin Ab Rahman yang banyak berkorban masa, tenaga, wang ringgit dan memberi sepenuh sokongan sepanjang pengajian ini. Juga buat kelima-lima anakanda sumber inspirasi dan permata hati. Semoga ia memberi contoh teladan yang baik untuk menjadi insan yang cintakan ilmu pengetahuan.

Tidak dilupakan untuk insan yang sangat dikasihi dalam hidup dahulu hingga selamanya iaitu bonda saya Terima kasih di atas dorongan dan doa yang tidak pernah berhenti dan putus untuk anaknya. Semoga Allah memberi seluruh kebahagiaan dan melimpahkan sepenuh rahmat kepada beliau. Juga ingatan yang tidak pernah padam serta Al-Fatihah buat Allahyarham ayahanda tercinta Hj. Sulong Bin Hj. Ngah semoga Allah menempatkan beliau dikalangan orang- orang yang beramal soleh.

Ucapan ini juga ditujukan khas buat insan yang banyak berjasa dan sangat penting serta bermakna dalam pengajian saya iaitu penyelia saya yang hebat dari segi ilmunya, iaitu Ustazah Syuhaida Idha Binti Abd Rahim. Terima kasih atas sokongan yang penuh, bimbingan yang berterusan, pertolongan yang tidak putus, teguran yang tidak pernah jemu serta nasihat yang ikhlas dan membantu. Tanpa seliaan dan dorongan beliau saya tidak akan sampai ke tahap ini. Semoga Allah membalas dengan segala kebaikan dan melimpahkan sepenuh rahmat kepada insan istimewa ini.

Seterusnya kepada semua rakan baik saya, Norhazlinda binti Mamat, Faizah binti Aziz serta Nurhawani binti Hanadi kerana telah banyak membantu saya sepanjang menyiapkan tesis ini. Akhir sekali saya amat berterima kasih kepada semua yang membantu saya secara langsung atau tidak termasuklah rakan-rakan seperjuangan saya yang sama-sama menjalani pengajian.

Alhamdulilah, semoga Allah S.W.T memelihara saya daripada kesilapan- kesilapan melalui tesis ini dan semoga penulisan ini dapat dimanfaatkan oleh sesiapa sahaja yang membacanya.

## **ISI KANDUNGAN**

**Muka Surat**

<b>PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA</b>	<b>ii</b>
<b>DEKLARASI PENULIS</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iv</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>v</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiv</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xv</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xvii</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	1
1.3 Permasalahan Kajian	7
1.4 Tujuan Kajian	12
1.5 Objektif Kajian	12
1.6 Persoalan Kajian	13
1.7 Signifikan Kajian	13
1.7.1 Guru	13
1.7.2 Murid	13
1.7.3 Pentadbir	13
1.7.4 Ibu Bapa dan Penjaga	14
1.7.5 Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) atau Pemegang Taruh	14
1.8 Skop Kajian	14
1.9 Batasan Kajian	14
1.9.1 Batasan Tajuk	14
1.9.2 Batasan Lokasi	14
1.9.3 Batasan Pemboleh Ubah Kajian	15
1.9.4 Batasan Sampel	15

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Kajian ini merupakan satu bidang yang memberi fokus kepada hubungkait antara sikap dan gaya pembelajaran Pendidikan Islam Abad ke- 21 dengan pencapaian akademik murid mengikut jantina. Justeru kajian ini merupakan satu kajian tinjauan di Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Kemuning di bawah Pejabat Pendidikan Daerah Klang, Selangor. Bab ini dimulakan dengan perbincangan latar belakang kajian diikuti dengan kupasan permasalahan kajian. Seterusnya, perbincangan ini diikuti dengan tujuan, objektif dan persoalan kajian. Bab ini juga menghuraikan kepentingan atau signifikan kajian dan penerangan tentang definisi operasional kajian. Akhir sekali, bab ini ditutup dengan membuat rumusan atau kesimpulan..

### **1.2 Latar Belakang**

Pada tahun 630 Masihi, iaitu di Zaman hayat Rasulullah S.A.W atau di pertengahan abad ke 7 Masihi saudagar-saudagar Arab telah membawa masuk Islam ke Tanah Melayu dengan cara hubungan perdagangan. Walaubagaimanapun Pendidikan Islam di Tanah Melayu telah bermula sejak kewujudan Kerajaan Melayu Melaka pada abad ke 15 Masihi. Ketika itu guru agama ialah para pedagang, pengembara, pendakwah, utusan raja dan para tentera keturunan Sayid dan Sheikh. Mereka datang dari pelbagai negara yang berbeza seperti Mesir, Cina, India Jawa dan Parsi. Kedatangan mereka ke Tanah Melayu bukan sekadar untuk bermiaga malahan juga berdakwah khasnya dalam bidang feqah dan ilmu Al-Quran.

Sejajar itu Pendidikan Islam di negara ini mula berkembang dari rumah imam atau guru seterusnya ke pondok-pondok kemudian menjadi madrasah dan akhirnya berjaya membentuk sekolah-sekolah agama (Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2018). Sehubungan itu, pada tahun 1956, Penyata Razak telah dibentuk kemudian diikuti pula Penyata Rahman Talib pada tahun 1960. Justeru, rentetan dari kedua-dua penyata tersebut, Pendidikan Islam telah diletakkan bersama dalam sistem Pendidikan Kebangsaan. Akta Pelajaran (1961) dan telah diputuskan untuk meletakkan mata